

ELAK KONGSI BERITA PALSU DALAM MEDIA SOSIAL

Oleh: Nurul 'Ain binti Zainal Abidin, 1171215,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 30 July 2020

Kewujudan teknologi maklumat dan komunikasi dan internet dalam era ini mencetuskan fenomena yang digelar dunia tanpa sempadan.

Media sosial menjadi platform bagi pelbagai lapisan masyarakat untuk digunakan sebagai saluran penerimaan maklumat yang cukup penting dalam kehidupan seharian.

Memetik laporan Sinar Harian pada 12 Julai 2020, kajian Globalstat mendapati lebih 72 peratus pengguna media sosial tegar menggunakan aplikasi seperti Facebook, Twitter, YouTube, Instagram dan WhatsApp.

Antara isu yang kerap berlaku dalam penggunaan media sosial adalah penularan berita palsu. Penyebaran maklumat dalam media sosial berlaku dengan pantas tanpa disemak kesahihannya terlebih dahulu.

Penularan berita palsu melalui media sosial dikatakan lebih pantas daripada kadar jangkitan COVID-19. Kesan perbuatan ini sangat serius kerana boleh menjejaskan ketenteraman masyarakat.

Semasa negara sedang dilanda wabak COVID-19, banyak maklumat palsu mengenai virus itu yang disebarkan sehingga mengelirukan orang ramai.

Sepatutnya, setiap berita yang diterima dalam media sosial hendaklah diteliti dan disemak terlebih dahulu bagi memastikan ia datang dari sumber yang sahih.

Ada juga individu yang cuba meraih simpati netizen ekoran masalah kesihatan dan kewangan yang dihadapi akibat penguatkuasaan Perintah Kawalaan Pergerakan (PKP).

Sebahagian daripada mereka memang benar-benar susah. Namun, ada juga manusia yang cuba mengambil kesempatan untuk mencari wang dengan jalan yang mudah melalui kisah palsu yang mereka jaja dalam media sosial.

Mungkin tidak ramai orang yang tahu bahawa perbuatan menyiarkan berita palsu boleh didakwa mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Mereka yang didapati bersalah boleh dikenakan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara sehingga setahun atau kedua-duanya sekali.

Maka, janganlah kita mengambil ringan terhadap perbuatan menyebarkan berita palsu.

Jangan sebar kalau tidak pasti maklumat itu sahih.

Seperti firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 6, "Wahai orang-orang beriman! Jika datang kepadamu orang fasik yang membawa sesuatu berita, maka telitilah kebenarannya, agar kamu tidak mencelakakan suatu kaum kerana kebodohan(kejahilan), yang akhirnya kamu menyesali perbuatanmu itu."

Rasulullah SAW pernah bersabda, "Mahukah kalian aku beritahukan tentang dosa besar yang paling besar, lalu beliau menjelaskan, kata-kata dusta atau kesaksian dusta" (HR al-Bukhari dan Muslim).

Oleh itu, sebagai anggota masyarakat yang bertanggungjawab dan prihatin, kita perlu memastikan penyebaran berita palsu ini dapat dinoktahkan. Gunakan sumber maklumat sedia ada seperti portal Sebenarnya.my untuk menyemak kesahihan berita tersebut sebelum menyebarkannya.

Penggunaan media sosial memang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan seharian masa kini. Justeru, dalam menerapkan gaya hidup berteraskan digital, pengguna seharusnya dididik supaya lebih beretika dan bertanggungjawab.

Jangan kita biarkan maklumat-maklumat palsu dalam media sosial mempengaruhi kehidupan kita secara negatif.

